

12/07/2003

Penubuhan sekretariat tetap dijangka dapat sokongan padu

PUTRAJAYA: Multaqa Ulama Sedunia yang berakhir hari ini akan mengeluarkan resolusi menyatakan sokongan terhadap penubuhan sekretariat tetap pemikir dan cendekiawan Islam di negara ini.

Penubuhan sekretariat itu membolehkan ulama dari seluruh dunia menyumbang idea bagi pembangunan Islam secara menyeluruh dan berterusan.

Pengerusi Pelaksana Jawatankuasa Multaqa Ulama Sedunia, Datuk Nakhaie Ahmad, berkata resolusi itu dihasilkan melalui penggabungan 22 kertas kerja membabitkan politik, sosial, ekonomi dan pembangunan yang dibentangkan sepanjang tiga hari persidangan itu.

"Resolusi multaqa, termasuk cadangan penubuhan sekretariat itu, akan dikemukakan kepada Jabatan Perdana Menteri untuk tindakan lanjut.

"Kami menjangka cadangan itu tidak akan mendapat bantahan mana-mana pihak. Sekretariat itu bukan setakat menganjurkan multaqa, tetapi perjumpaan lain membabitkan pemikir Islam," katanya semalam selepas tamat sesi persidangan hari kedua multaqa.

Kira-kira 900 cendekiawan Islam dari 34 negara menghadiri persidangan yang dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin. Penasihat Agama Perdana Menteri, Tan Sri Dr Abdul Hamid Othman dijangka menutup multaqa itu hari ini.

Nakhaie yang juga Yang Dipertua Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim), berkata berdasarkan penelitan awal, kebanyakan ulama di persidangan itu berpendirian sederhana dalam membincangkan pelbagai aspek.

Sementara itu, cadangan sekretariat pemikir Islam mendapat maklum balas positif daripada peserta multaqa. Ramai yang berpendapat penubuhannya perlu disegerakan untuk membolehkan ulama Islam berkumpul dari seluruh dunia bagi membincangkan pelbagai perkara yang berkaitan dengan kepentingan umat Islam.

Penerbit majalah Islam Q-News berpangkalan di London, Fuad Nahdi, berkata cadangan Dr Mahathir itu satu idea sangat menarik dan pasti ditunggu umat Islam seluruh dunia.

Beliau berkata, Malaysia mampu menjadi tuan rumah kepada sekretariat itu kerana ia sebuah negara Islam yang progresif dan dihormati oleh negara Islam lain.

"Dalam dunia moden, saya fikir kita perlu satu sekretariat global yang lebih tersusun bagi membolehkan pemikir, cendekiawan Islam berbincang secara lebih teratur," katanya.

Pensyarah Fakulti Teologi Universiti Ankara, Turki, Khamal Mohammed, berkata cadangan itu adalah sesuatu yang amat baik daripada pemimpin ulung dunia.

"Saya mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri anda (Dr Mahathir) kerana mencetuskan idea ini demi kesejahteraan umat Islam di seluruh dunia," katanya.

"Malaysia boleh menjadi tuan rumah sekretariat itu dan ia juga mungkin boleh dipindahkan ke negara lain pada masa depan seperti ke Indonesia atau Turki," katanya.

Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Khas, Kementerian Penerangan, Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir, berkata cadangan Perdana Menteri itu penting dalam menyatukan ulama Islam dari seluruh dunia.

Beliau berkata, menerusi sekretariat itu, ulama dapat menyatukan pandangan dan pemikiran mereka dalam membantu umat Islam menjadi umat yang terbaik, maju, kuat dan berkualiti.

"Umat Islam perlu ada perjuangan yang konsisten dan ulama perlu memainkan peranan mereka dalam mencetus idea bagi merancang agenda membangunkan umat Islam. Jika tidak, perhimpunan ini akan tinggal perhimpunan tanpa usaha kukuh untuk melakukan susulan," katanya.